



Venice

Venice merupakan sebuah bandar yang terletak di utara Itali. Venice dikenali sebagai "La Dominante", "Serenissima", "Ratu Adriatik", "Bandar Raya Air", "Bandar Raya Jambatan-jambatan", dan "Bandar Raya Cahaya". Venice terdiri daripada 117 pulau-pulau kecil yang dipisahkan oleh 150 buah terusan. Penduduk menyeberangi terusan-terusan ini melalui jambatan-jambatan yang kecil dan banyak. Mereka juga boleh menaiki sejenis bot yang dipanggil gondola untuk melalui terusan-terusan ini. Republik Venice dulunya merupakan kuasa maritim yang utama semasa Zaman Pertengahan dan Pembaharuan serta merupakan pusat penting perdagangan (terutamanya sutera, biji-bijian dan perdagangan rempah) dan seni dalam abad ke-13 hingga abad ke-17. Republik ini kehilangan kemerdekaannya apabila ditawan oleh Napoleon Bonaparte pada 12 Mei 1797. Venice kemudiannya menjadi sebahagian daripada Austria dan seterusnya Itali.